

# Ahli Parlimen bertikam lidah hari pertama Dewan Rakyat

UM - 20/12/2022 m/s: 5

**PARLIMEN**



Oleh **ASLINDA NASIR** dan  
**ZAREEN SEJAHAN**

utusannews@mediamulia.com.my

**KUALA LUMPUR** : Hari pertama mesyuarat Penggal Pertama, Parlimen ke-15 kecoh sebaik sahaja usul undi percaya terhadap Perdana Menteri dibentangkan.

Keadaan itu bagaimanapun cuba ditenangkan oleh Yang Dipertua Dewan Rakyat yang baharu, Datuk Johari Abdul yang turut berjaya mengawal keadaan sehingga usul tersebut diluluskan oleh Dewan.

Terdahulu situasi menjadi tegang setelah Datuk Seri Shahidan Kassim (PN-Arau) bangun memberi *point of order* di bawah peraturan mesyuarat 36 (7), menjelaskan kerajaan menyalahi peraturan berkenaan yang menggunakan nama Yang di-Pertuan Agong dalam usul undi percaya terhadap Perdana Menteri.

Namun perkara itu dibidas Howard Lee (PH-Ipoh Timur), dengan menjelaskan ia adalah fakta semata-mata, sementara Mohd. Sany Hamzan (PH-Hulu Langat) pula berkata, Datuk Seri Anwar Ibrahim adalah Perdana



**ANWAR** Ibrahim hadir ke Mesyuarat Pertama Penggal Pertama Parlimen ke-15, di Bangunan Parlimen, semalam. - UTUSAN/SHIDDIEQIIN ZON

Menteri yang berani untuk mengabsahkan kedudukannya sebagai Perdana Menteri.

Keadaan itu menimbulkan ketegangan antara beberapa ahli Parlimen sehingga Sany Hamzah mengecam Awang Hashim (PN-Pendang) sebagai 'beruk' dengan alasan ahli Parlimen itu telah menghina terlebihi dahulu.

Hal itu menimbulkan kemara-

han Speaker, sekali gus Johari memberi amaran untuk tidak akan bertolak ansur jika mereka mengulangi perkara sama.

Shahidan ketika itu turut menyindir kerajaan perpaduan yang dipimpin Anwar : "Selamat pengantin baharu UMNO dan DAP" dan sempat menyanyikan lagu kempen Pakatan Harapan (PH) sewaktu Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU-15), 'Hoi hoi ya hoi'.

Seorang lagi pembahas kerajaan, Datuk Seri Johari Abdul Ghani (BN-Titiwangsa) turut meminta Speaker membuat ujian tahap kesihatan susulan kekecohan yang berlaku pada hari pertama bersidang.

"Baru satu hari, Speaker ada lima tahun lagi. Saya cadangkan supaya setiap enam bulan buat ujian darah, semua ujian perlu dibuat," katanya.